

## **PESARA DAN DORONGAN BERNIAGA SELEPAS BERSARA: MINAT ATAU KEPERLUAN?**

*(Retirees and determinants to do business after retirement:  
Interest or by need?)*

Muhamad Khairul Ismail & Suresh Kumar N Vellymalay

### **ABSTRAK**

Bekerja sendiri menjadi semakin penting dewasa ini memandangkan ramai pesara melibatkan diri dalam bekerja sendiri selepas bersara. Untuk memahami dorongan pesara untuk bekerja sendiri selepas bersara, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor yang mempengaruhi pesara untuk melibatkan diri dalam aktiviti berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana perniagaan yang dijalankan oleh pesara membantu meningkatkan pendapatan mereka bagi menjamin kehidupan selepas persaraan. Sampel kajian terdiri daripada tiga puluh orang pesara yang telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Temu bual berbantuan soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada pesara yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa keperluan kewangan untuk menyara keluarga merupakan faktor utama yang mendorong majoriti pesara untuk berniaga di Pasar Besar Sena. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa berniaga di Pasar Besar Sena turut meningkatkan pendapatan kebanyakan pesara sekaligus dapat membantu mereka untuk membuat simpanan bagi menjamin kehidupan.

**Kata Kunci:** Pesara, bekerja sendiri, perniagaan, pendapatan, simpanan

### **ABSTRACT**

Self-employment is becoming increasingly important these days as many retirees engage in self-employment after their retirement. To better understand the determinants of self-employment among retirees, this study aims to explore the factors that influence retirees to engage in business activities at Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. The current study also aims to investigate the extent their businesses help them financially to ensure life after retirement. The sample consists of thirty retirees who were selected using purposive sampling method. A Structured interview and a guided questionnaire were used to obtain information from the retirees studied. The findings show that the need to financially support their family is the main factor that influences most retirees to engage in business at Pasar Besar Sena. In addition, the findings of this study also show that by engaging in business at Pasar Besar Sena, the retirees were more likely to increase their income and thus, enabling them to have life savings.

**Keywords:** retiree, self-employment, business, income, savings

## **PENGENALAN**

Pada setiap tahun, beribu-ribu pekerja memulakan persaraan masing-masing tidak kira secara wajib mahupun secara pilihan. Persaraan ini menyebabkan seseorang pesara mengalami proses transisi dalam kehidupan mereka. Satu implikasi yang bakal diterima oleh golongan pesara adalah penyesuaian terhadap kehidupan baharu selepas persaraan dan keperluan kewangan dalam tempoh tersebut. Situasi ini mendorong golongan pesara untuk memikirkan keperluan bagi merancang kehidupan mereka selepas persaraan. Sehubungan dengan itu, dapat dikatakan bahawa tidak semua pesara dikatakan bersara sepenuhnya daripada pekerjaan tetap. Banyak pesara yang mengambil keputusan untuk kembali ke alam pekerjaan selepas bersara (Maestas, 2010). Bagi menghadapi cabaran persaraan, bekerja selepas bersara membolehkan seseorang pesara bekerja secara separa masa, sepenuh masa mahupun bekerja sendiri (Beehr & Bennett, 2015). Hal ini menyebabkan bilangan pesara yang memasuki alam pekerjaan selepas bersara semakin meningkat (Cahill, Giandre, & Quinn, 2006).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kebelakangan ini bekerja selepas bersara memperlihatkan kepentingan yang tinggi kepada pesara dan memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan masa yang terluang selepas persaraan (Fasbender, Deller, Wang, & Wiernik, 2014). Perubahan dalam bentuk pekerjaan daripada pekerjaan tetap kepada pekerjaan pilihan juga membawa kepada keseimbangan yang berkesan antara kerja dan kehidupan mereka selepas bersara (Smaliukiene & Tvaronaviciene, 2014). Malah, bekerja selepas bersara dilihat sebagai mendorong pembangunan kerjaya bagi seseorang individu selepas persaraan (Dingemans, Henkens & Van Solinge, 2016). Pekerjaan yang dipilih tersebut diharap dapat membantu penerusan hidup di hari tua.

Jika diteliti secara mendalam, walaupun bekerja selepas bersara mempengaruhi kepuasan dan kesejahteraan hidup pesara (Fasbender, et al., 2014) namun terdapat dorongan utama yang memangkin pesara untuk melibatkan diri dalam pekerjaan selepas persaraan iaitu melalui pilihan rasional yang dilakukan oleh pesara (Beehr & Bennett, 2015). Dalam aspek ini, pesara sudah tentu mempunyai sebab-sebab tertentu untuk bekerja selepas bersara. Dari satu sudut, pelbagai faktor seperti umur, gender, taraf kesihatan, kewujudan peluang dan pilihan kerja, minat dan keperluan untuk bekerja (misalnya, faktor kewangan, komitmen keluarga dan hubungan sosial dll.) amat mempengaruhi rasional di sebalik kecenderungan untuk bekerja selepas bersara (Nilsson, 2012). Justeru, kajian tentang dorongan pesara untuk bekerja selepas bersara dan sumbangan pekerjaan yang dilakukan ke atas kepuasan diri dan kesejahteraan hidup amat perlu diberi perhatian untuk memahami pilihan rasional yang dilakukan oleh pesara melalui inisiatif bekerja selepas bersara.

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian di negara Barat mendapati pelbagai faktor yang mendorong pesara untuk kembali ke alam pekerjaan selepas persaraan. Kajian Smaliukiene & Tvaronaviciene (2014) mendapati bahawa bekerja selepas bersara dipengaruhi oleh situasi individu, budaya organisasi dan faktor sosioekonomi. Dalam aspek ini, kedudukan kewangan, faktor keluarga, keperluan peribadi, sikap organisasi terhadap pekerja yang lebih tua, peluang perniagaan dan status pasaran kerja dilihat sebagai aspek penting bagi pesara mempertimbangkan kemahuan untuk bekerja selepas bersara.

Kajian Maestes (2004) mendapati pesara yang bekerja selepas bersara lebih menjurus kepada golongan yang memiliki pendapatan yang lebih tinggi sebelum bersara dan memperoleh jumlah pendapatan yang tinggi selepas bersara. Begitu juga dengan kajian Zissimopoulos & Karoly (2007; 2009) yang mendapati bahawa pesara memilih untuk bekerja sendiri sekiranya mempunyai pengalaman bekerja sendiri selain mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh beserta kesihatan yang baik.

Dari satu sudut lain, kajian Damman, Henkens & Kalmijn (2011) mendapati bahawa kedudukan kewangan yang tidak kukuh sebagai salah satu halangan terbesar kepada seseorang pekerja dalam menjalani kehidupan jika ia memilih untuk bersara. Begitu juga dengan kajian Hardy (1991) yang mendapati kekangan kewangan sebagai faktor yang mendorong pilihan untuk bekerja dalam kalangan pesara. Menyambung kerja selepas bersara membolehkan seseorang pesara mengurus aktiviti harian selain bertindak sebagai jaminan kewangan bagi keperluan hidup dalam tempoh bersara (Wang, 2007). Jaminan kewangan dapat membantu kehidupan pesara apabila mereka memilih untuk bekerja selepas bersara (Gonzales, Lee, & Brown, 2017). Dalam kebanyakan aspek, komitmen keluarga mempengaruhi dorongan pesara untuk bekerja selepas bersara. Pesara yang mempunyai anak lebih cenderung memilih untuk bekerja bagi menjamin perolehan pendapatan untuk menyara keluarga (Beehr & Bennett, 2014). Hal ini selaras dengan kajian Kim & Feldman (2000) mendapati pesara yang mempunyai anak dan masih mempunyai tanggungjawab dalam membesarkan anak lebih cenderung untuk menyambung kerja selepas bersara. Sebagaimana penemuan kajian Iyortsuun & Akpusugh (2013), pengurusan yang efektif terhadap kehidupan pesaraan memerlukan perhatian yang benar-benar serius kerana perancangan yang teliti bakal meningkatkan taraf hidup pesara. Bekerja selepas bersara dilihat sebagai satu usaha untuk menambahkan pendapatan dan membebaskan diri daripada situasi kewangan yang membebankan.

Selain itu, faktor kesihatan turut mempengaruhi pesara memilih untuk bekerja atau tidak selepas bersara (Nilsson, 2012). Kajian Maestes (2004) mendapati golongan pesara juga mempunyai taraf kesihatan yang baik sebelum dan selepas bersara. Kajian Griffin & Hesketh (2008) mendapati bahawa pesara yang memiliki taraf kesihatan yang baik lebih cenderung untuk bekerja bermakna lebih tinggi taraf kesihatan, lebih tinggi penglibatan dalam pekerjaan selepas bersara. Penjelasan taraf kesihatan menghalang pesara daripada terlibat dalam pekerjaan selepas persaraan mereka (Dingemans, Henkens & Van Solinge, 2016).

Kajian Erdogan, Bauer, Peiro, & Truxillo (2011) mendapati pesara yang mempunyai tingkat umur yang tinggi lebih cenderung untuk memilih untuk bekerja selepas bersara jika pekerjaan yang dipilih adalah selaras dengan minat mereka berbanding pesara yang mempunyai tingkat umur yang rendah. Begitu juga dengan kajian Moen & Flood (2013) mendapati umur yang rendah ketika mencapai persaraan juga mendorong usaha bekerja kembali selepas bersara. Hal ini ditambah pula dengan kajian Maestas (2010) mendapati pesara awal lebih banyak memilih untuk bekerja selepas bersara. Namun demikian, kajian tersebut menunjukkan bahawa pesara memilih untuk bekerja atas perancangan yang dilakukan sebelum bersara dan bukan disebabkan oleh kekangan kewangan atau status sosioekonomi. Kajian Nilsson (2012) turut mendapati bahawa faktor usia dan pengalaman kerja lepas banyak membantu kerja selepas bersara. Hal ini ditambah pula dengan perkembangan teknologi yang mengurangkan beban kerja berbanding dahulu. Malah, kewujudan pilihan kerja membolehkan seseorang individu bekerja dan memperoleh perasaan kesejahteraan.

Terdapat juga kajian yang mengaitkan kecenderungan pesara untuk bekerja selepas bersara dengan faktor gender. Kajian Hardy (1991) menunjukkan lelaki lebih banyak memilih untuk bekerja selepas bersara berbanding wanita. Pelabelan terhadap wanita sebagai mempunyai status sosioekonomi yang rendah turut mempengaruhi wanita untuk menceburi kerja khususnya dalam kalangan wanita berusia. Malah, faktor pasangan hidup turut mempengaruhi pesara memilih untuk bekerja selepas bersara. Kajian Damman, Henkens & Kalmijn (2015) mendapati pesara yang tiada pasangan hidup atau pasangan mereka masih bekerja ketika pesara melalui tempoh persaraan akan berhadapan dengan masalah untuk menyesuaikan diri dengan perubahan sosial akibat kekurangan hubungan sosial. Kajian Kim & Feldman (1998) yang menyatakan bahawa pesara yang mempunyai pasangan hidup yang masih bekerja lebih cenderung untuk bekerja selepas bersara. Di samping faktor gender, faktor keperluan hubungan sosial turut mempengaruhi kecenderungan pesara untuk bekerja selepas bersara. Misalnya, Fasbender, et al. (2014) mendapati kehilangan hubungan sosial dan perasaan diri tidak diperlukan selepas bersara mengurangkan sokongan sosial dalam kalangan pesara menyebabkan golongan ini cenderung untuk bekerja. Lancee & Radl (2012) mendapati bahawa bekerja selepas bersara membolehkan golongan pesara bergiat aktif dengan aktiviti sosial dengan pekerja lain di persekitaran kerja.

Dalam konteks Malaysia, bekerja selepas bersara sebagai sepenuh masa, separa masa mahupun bekerja sendiri tidak dapat dinafikan kewujudannya. Keperluan kewangan yang stabil amat perlu bagi pesara menjamin kesejahteraan sosial di hari tua. Dalam konteks ini, golongan ini perlu memastikan agar kewangan adalah mencukupi bagi menyara kehidupan mereka. Golongan pesara amat memerlukan kewangan bagi menjamin keperluan harian dan rawatan kesihatan (Siti Zaharah Jamaluddin & Foo Yuen Wah, 2013). Kegagalan pesara untuk menyara hidup mereka sudah pasti memberi implikasi yang tinggi terhadap kesejahteraan hidup mereka setelah bersara. Bagi pesara yang tiada kewangan yang kukuh, situasi ini mendorong golongan ini untuk bekerja tidak kira sepenuh masa atau separuh masa (Siti Zaharah Jamaluddin & Foo Yun Wah, 2013). Begitu juga dengan kecenderungan pesara untuk bekerja sendiri. Dalam hal ini, bekerja selepas bersara membolehkan pesara yang mempunyai sumber kewangan yang terhad berupaya memperoleh pendapatan tambahan bagi membantu masalah kewangan yang dihadapi (Quinn, 2010).

Walau bagaimanapun, kajian tentang pesara yang memfokuskan kepada kecenderungan pesara untuk bekerja selepas bersara dan jaminan kerja tersebut dalam membantu kehidupan dalam tempoh persaraan tidak begitu menonjol di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi perhatian kepada golongan pesara yang memilih untuk berniaga bagi menyambung pekerjaan selepas bersara. Lebih khusus lagi, kajian ini bertujuan meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada pesara untuk berniaga selepas bersara selain mengenal pasti sejauhmana perniagaan yang dijalankan dapat membantu dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka.

## **METODOLOGI**

Kajian ini mengambil tempat di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. Pasar ini merupakan pasar yang terkenal di Kangar dan menjalankan aktiviti perniagaan ikan, sayur, buah dan keperluan asas yang lain dan beroperasi antara pukul 7.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Sebanyak 30 orang pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena dipilih menggunakan persampelan bertujuan untuk dijadikan sampel kajian. Sampel sebanyak 30 orang dipilih memandangkan bilangan temu bual minimum

yang sesuai untuk kajian berbentuk kualitatif adalah antara 20-30 temu bual (Warren, 2002; Creswell, 1998).

Daripada jumlah 30 orang pesara tersebut, sebanyak 83.0% adalah pesara daripada etnik Melayu, 13.0% adalah pesara daripada etnik Cina manakala 3.0% adalah pesara daripada etnik lain-lain. Temu bual berstruktur berbantuan soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada pesara yang dikaji. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A dalam soal selidik terdiri daripada soalan tertutup iaitu merujuk kepada latar belakang pesara seperti jantina, umur, agama, bangsa, pekerjaan sebelum bersara, jenis persaraan dan tempoh bersara. Bahagian B dalam borang soal selidik pula merangkumi soalan terbuka dan juga soalan tertutup berkaitan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada pesara untuk berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. Bahagian C dalam borang soal selidik juga merangkumi soalan terbuka dan soalan tertutup berkaitan sumbangan aktiviti berniaga di Pasar Besar Sena dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan golongan pesara.

Setiap temu bual berstruktur berbantuan soal selidik yang dilakukan mengambil masa lebih kurang 45 minit. Setiap pesara yang ditemu bual dimaklumkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan oleh mereka dalam temu bual ini adalah sulit dan akan dirahsiakan. Maklumat daripada soalan tertutup yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dan dihuraikan berdasarkan jadual frekuensi dan peratusan. Maklumat daripada soalan terbuka iaitu transkrip temu bual pula digunakan untuk menyokong dan menerangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada soalan tertutup tadi.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan latar belakang pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. Seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1, sebanyak 73.0% pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena adalah lelaki manakala 27.0% pesara adalah wanita. Hal ini menunjukkan bahawa bilangan peniaga lelaki lebih ramai berbanding dengan peniaga wanita. Dari segi umur pesara didapati bahawa sebanyak 43.0% pesara berumur 60 tahun dan ke atas, 40.0% pesara berumur antara 50-59 tahun dan sebanyak 17.0% pesara lain berumur di bawah 50 tahun. Selain itu, 83.0% berbangsa Melayu, 13.0% berbangsa Cina dan selainnya 3.0% terdiri daripada bangsa asing. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 83.0% pesara beragama Islam dan 17.0% beragama Budha.

Jadual: Latar belakang pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis

Latar belakang		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	22	73.0
	Perempuan	8	27.0
Umur	45-49 tahun	5	17.0
	50-54 tahun	6	20.0
	55-59 tahun	6	20.0
	60-64 tahun	9	30.0
	65-69 tahun	3	10.0
	70 tahun ke atas	1	3.0
Bangsa	Melayu	25	83.0

	Cina	4	13.0
	India	-	-
	Lain-lain	1	3.0
Agama	Islam	25	83.0
	Hindu	-	-
	Budha	5	17.0
	Lain-lain	-	-
Sektor Pekerjaan	Kakitangan Kerajaan	8	27.0
	Swasta	22	73.0
Jenis Persaraan	Wajib	13	43.0
	Pilihan	17	57.0
Tempoh Persaraan	Kurang daripada 4 tahun	14	47.0
	4-7 tahun	9	30.0
	Lebih daripada 7 tahun	7	23.0

n=30

Berdasarkan Jadual 1, majoriti (73.0%) pesara yang dikaji pernah bekerja dalam bidang swasta sebelum bersara manakala hanya 27.0% pesara merupakan bekas kakitangan kerajaan. Didapati bahawa 57.0% pesara merupakan daripada jenis persaraan wajib dan selebihnya 43.0% pesara yang dikaji adalah daripada jenis persaraan pilihan. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa 47.0% pesara telah bersara kurang daripada empat tahun, 30.0% pesara pula telah bersara antara empat hingga tujuh tahun. Sebanyak 23.0% pesara telah bersara melebihi tujuh tahun.

Oleh itu, hasil kajian mendapati latar belakang pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar Perlis adalah rata-rata orang Melayu daripada golongan lelaki. Majoriti daripada pesara yang berniaga merupakan bekas pekerja swasta. Hasil kajian juga mendapati tempoh persaraan majoriti peniaga yang dikaji ini adalah tidak melebihi tempoh tujuh tahun.

### **Pesara dan penglibatan dalam perniagaan**

Bahagian ini menerangkan faktor-faktor yang mendorong pesara untuk melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis.

Jadual 2: Dorongan berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis.

<b>Faktor-faktor</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Menyara keluarga	25	84.0
Minat berniaga	2	7.0
Memenuhi masa lapang	1	3.0
Mewarisi perniagaan keluarga	1	3.0
Meneruskan perniagaan sambilan	1	3.0
Jumlah	30	100.0

n=30

Jadual 2 menunjukkan faktor-faktor yang mendorong pesara untuk berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. Hasil kajian mendapati sebanyak 84.0% pesara terlibat dalam perniagaan untuk menyara keluarga masing-masing. Menurut seorang pesara:

*“Nak haghap det pencen memang tak cukup, kene meniaga jugak la, nak sara anak ngaji ngan belanja dapog.”*

Seorang lagi pesara menyatakan:

*“Cari duit lebih untuk tampung perbelanjaan keluarga, sebab duit pencen tak cukup. Kalau ada lebihan lagi, bole simpan untuk pi naik haji.”*

Sebanyak 7.0% pesara mengatakan bahawa minat terhadap perniagaan menyebabkan mereka memilih untuk berniaga di pasar ini. Salah seorang pesara menyatakan:

*“Memang minat berniaga, masa bekerja dulupun, ada buat berniaga secara kecil-kecilan, cari duit lebih. Jadi lepas bersara, saya sambung berniaga”*

Selain itu, seorang pesara melibatkan diri dalam perniagaan untuk memenuhi masa lapang manakala dua orang pesara lain masing-masing mengatakan bahawa penglibatan mereka dalam perniagaan didorong oleh keperluan meneruskan pekerjaan sambilan dan keperluan mewarisi perniagaan keluarga. Menurut seorang pesara yang mewarisi perniagaan keluarga menyatakan:

*“Perniagaan ni milik keluarga, sebelum ni isteri yang jaga, bila saya dah pencen, saya jaga pula, dari takda apa-apa nak buat, baik berniaga dapat cari duit sikit, jumpa kawan-kawan.”*

Daripada hasil kajian yang diperoleh, keperluan kewangan untuk menyara keluarga merupakan faktor utama yang mendorong majoriti pesara untuk terlibat dalam perniagaan. Peningkatan kos sara hidup meningkatkan keperluan kewangan untuk menyara keluarga bagi menampung kehidupan.

### **Jaminan wang persaraan dalam membantu kehidupan selepas bersara**

Jaminan wang persaraan amat penting bagi seseorang pesara dalam membolehkannya menyara kehidupan selepas bersara. Namun demikian, tidak semua pesara mempunyai jaminan kewangan yang kukuh dalam tempoh bersara menyebabkan mereka terpaksa bekerja selepas bersara bagi mendapatkan pendapatan berterusan. Bahagian ini menerangkan jaminan kedudukan kewangan pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis dalam menampung kehidupan mereka selepas bersara.

Jadual 3: Penerimaan Wang Pencen/KWSP.

<b>Wang pencen/KWSP</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Penerima wang Pencen/KWSP	19	63.0
Bukan penerima wang Pencen/KWSP	11	37.0
Jumlah	30	100.0

n=30

Jadual 3 menunjukkan penerimaan pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh pesara. Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa 63.0% pesara menerima bantuan persaraan sama ada wang pencen atau KWSP sebagai jaminan kewangan bagi meneruskan kehidupan selepas bersara. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati sebanyak 37.0% tidak mempunyai bantuan persaraan sama ada wang pencen mahupun KWSP sebagai sumber jaminan di hari tua mereka.

Jadual 3.1: Kecukupan Wang Pencen/KWSP.

<b>Wang pencen/KWSP</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Wang Pencen/KWSP tidak mencukupi	17	89.0
Wang Pencen/KWSP mencukupi	2	11.0
Jumlah	19	100.0

n=19

Data pada Jadual 3 menunjukkan bahawa 63.0% pesara (n=19) yang menerima bantuan persaraan sama ada dalam bentuk wang pencen atau KWSP. Berdasarkan analisis terhadap 19 pesara tersebut (rujuk Jadual 3.1), hasil kajian mendapati bahawa hanya 11.0% pesara mengatakan bahawa bantuan tersebut mencukupi untuk mereka meneruskan kehidupan selepas bersara manakala sebanyak 89.0% pesara pula mengatakan bahawa bantuan persaraan tersebut tidak mencukupi kerana terikat kepada pelbagai komitmen lain yang memerlukan kewangan.

Jadual 3.2: Alasan Pesara atas Ketidacukupan Wang Pencen/KWSP.

<b>Alasan Wang Pencen/ KWSP Tidak Mencukupi</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Kos hidup yang tinggi	13	76.0
Membayar hutang	3	18.0
Wang digunakan sebagai modal berniaga	1	6.0
Jumlah	17	100.0

n=17

Data pada Jadual 3.2 adalah berdasarkan hasil maklumat yang dianalisis daripada 17 pesara yang mengatakan bahawa bantuan wang pencen atau KWSP tidak mencukupi untuk mereka meneruskan kehidupan selepas bersara (rujuk Jadual 3.1). Berdasarkan Jadual 3.2, sebanyak 76.0% pesara mengatakan bahawa wang pencen atau KWSP tidak mencukupi untuk mereka meneruskan kehidupan selepas bersara disebabkan kos hidup yang semakin meningkat. Menurut seorang pesara:



“Duit pencen mana cukup. Pencen Pos Malaysia RM320.00 sahaja sebulan. Mana cukup untuk menampung kos hidup?”

Seorang lagi pesara turut menyatakan pandangan yang sama:

“Duit pencen tak cukup. Duit pencen sikit ja ... lebih kurang RM1000 ... lagipun harga barang mahal.”

Tambahan lagi, seorang lagi pesara mengatakan bahawa wang tersebut tidak mencukupi kerana terpaksa membiayai pendidikan anak. Menurutnya:

“Memang tak cukup. Belanja dapuq yang mahai, dengan anak pun dok ngaji lagi, tambah pulak dengan det pecen tak cukup.”

Selain itu, sebanyak 18.0% pesara mengatakan bahawa mereka mempunyai beban hutang yang terpaksa dibayar. Pelbagai komitmen hutang yang tidak berkesudahan dalam menjalani tuntutan hidup keluarga memberi implikasi yang tinggi kepada pesara. Di samping itu, seorang pesara pula menyatakan bahawa ia terpaksa menggunakan wang pencen atau KWSP yang diterima sebagai modal untuk berniaga akibat kekurangan pusingan wang untuk tujuan perniagaan.

Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa bagi majoriti pesara wang pencen atau KWSP tidak mencukupi untuk menampung kehidupan. Kos hidup yang tinggi dan keperluan membayar hutang dilihat sebagai antara faktor utama yang mengakibatkan wang pencen atau KWSP tidak mencukupi untuk menampung kehidupan.

### **Perniagaan dan peningkatan pendapatan pesara**

Bahagian ini menerangkan penglibatan pesara dalam aktiviti perniagaan di Pasar Besar Sena, Kangar Perlis dan implikasinya ke atas pendapatan dan tabungan.

Jadual 4: Dorongan berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis dan implikasi ke atas pesara.

<b>Implikasi berniaga ke atas pendapatan pesara</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Meningkatkan pendapatan	29	97.0
Tidak meningkatkan pendapatan	1	3.0
Jumlah	30	100.0

n=30

Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 97.0% pesara menyatakan bahawa perniagaan yang dilakukan oleh mereka di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis meningkatkan pendapatan mereka. Menurut seorang pesara:

“Wang pencen sebagai pesara tentera tidak mencukupi, bila berpeluang berniaga di sini ... dapat juga la ... tambah duit belanja untuk keluarga.”

Menurut seorang lagi pesara:

“Banyak membantu juga. Perniagaan ini adalah warisan daripada keluarga. Sebelum ni ayah yang jaga. Lepas saya pencen saya yang jaga. Pendek kata saya membesar dengan hasil kedai ni la.”

Hanya seorang pesara yang menyatakan bahawa perniagaan yang dilakukan tersebut tidak dapat meningkatkan pendapatan. Perjalanan perniagaan yang kurang memberangsangkan menyebabkan pesara ini tidak dapat meningkatkan pendapatannya. Menurutnya:

“Keuntungan daripada berniaga harian masih belum cukup untuk menampung perbelanjaan harian saya dan keluarga. Isteri saya juga terpaksa bekerja untuk membantu menampung perbelanjaan keperluan harian.”

Jadual 5: Status keuntungan pesara daripada berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis

Status keuntungan daripada perniagaan	Bilangan	Peratus
Mempunyai lebih keuntungan daripada perniagaan	21	70.0
Tidak mempunyai lebih keuntungan daripada perniagaan	9	30.0
Jumlah	30	100.0

n=30

Jadual 5 pula menunjukkan status keuntungan yang diterima oleh pesara melalui perniagaan yang dilakukan di Pasar Besar Sena, Kangar Perlis. Sebanyak 70.0% pesara menyatakan bahawa mereka mempunyai lebih keuntungan daripada perniagaan yang dilakukan di pasar tersebut. Menurut seorang pesara:

“Perniagaan ini membantu juga dalam menambahkan keuntungan, lagipun kita perlu cari duit lebih untuk terus hidup. Zaman sekarang, susah-senang tanggung sendiri.”

Sebanyak 30.0% pesara pula menyatakan bahawa mereka tidak menerima lebih untung daripada perniagaan yang dilakukan. Menurut seorang pesara:

“Niaga ini tak ada untung lebih. Untung hanya cukup-cukup tuk bagi makan dan minum ... kadang-kadang dapat juga beli barang keperluan yang lain.”

Menurut seorang pesara lain pula:

“Tidak ...tidak ... keuntungan tidak seberapa ... dan tak cukup untuk tampung kos sara hidup. Lepas berniaga kene buat kerja lain untuk tambah pendapatan.”

Seorang pesara lain turut menyatakan:

“Tidak ada untuk lebih. Banyak saingan ... sebab kedai kiri kanan jual barang yang sama. Kekadang rugi juga ... barang basah tak habis jual.”

Jadual 6: Kemampuan menabung dalam kalangan pesara di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis

<b>Kemampuan menabung</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Dapat membuat simpanan	18	60.0
Tidak dapat membuat simpanan	12	40.0
Jumlah	30	100.0

n=30

Jadual 6 pula menunjukkan kemampuan pesara yang berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar Perlis untuk membuat simpanan. Sebanyak 60.0% pesara menyatakan bahawa mereka mampu membuat simpanan dengan pendapatan yang diterima daripada perniagaan. Sebanyak 40.0% pesara pula menyatakan bahawa mereka gagal membuat simpanan hasil daripada perniagaan yang dilakukan. Hasil kajian mendapati keperluan wang untuk perbelanjaan seharian selain keperluan wang untuk pusingan modal memberi kesan ke atas kemampuan untuk menabung.

Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa aktiviti berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis membolehkan mereka meningkatkan pendapatan. Situasi ini juga membolehkan mereka memperoleh lebih keuntungan daripada perniagaan yang dilakukan. Pada masa yang sama, peningkatan pendapatan dan lebih keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan membolehkan pesara untuk menabung.

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pesara berniaga di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis selain mengenal pasti sejauhmana perniagaan yang dijalankan ini dapat membantu meningkatkan pendapatan pesara bagi menjamin kehidupan selepas persaraan. Hasil kajian mendapati pesara lelaki lebih banyak terlibat dalam perniagaan. Sehubungan itu, hasil kajian ini selaras dengan kajian Hardy (1991) yang mendapati lelaki lebih banyak memilih untuk bekerja selepas bersara berbanding wanita. Selain itu, berdasarkan hasil kajian, majoriti daripada pesara yang dikaji adalah berbangsa Melayu. Majoriti pesara tersebut juga merupakan bekas pekerja swasta. Hampir separuh daripada pesara yang dikaji bersara persaraan pilihan. Tempoh persaraan bagi majoriti peniaga yang dikaji didapati tidak melebihi tujuh tahun.

Kajian ini turut mendapati keperluan untuk menyara keluarga menjadi faktor pendorong utama untuk berniaga di Pasar Besar Sena. Berdasarkan hasil kajian didapati bahawa wang pencen atau KWSP tidak mencukupi bagi majoriti pesara untuk menampung kos kehidupan seharian dan menjamin kesejahteraan hidup. Kos hidup yang tinggi dan yang semakin meningkat menjadi punca kepada masalah tersebut. Dalam aspek ini, hasil kajian ini konsisten dengan kajian Suridah Ali (2016) yang mendapati kewangan yang kukuh amat perlu bagi menjamin kesejahteraan hidup selepas persaraan khususnya di usia tua. Hasil kajian ini juga konsisten dengan kajian Hardy (1991) yang mendapati bahawa kekangan kewangan dan jaminan kewangan bagi keperluan hidup dalam tempoh bersara sebagai dorongan untuk bekerja selepas bersara. Begitu juga dengan tekanan

kewangan yang dihadapi atas keperluan membayar hutang selain keperluan sebagai modal perniagaan dan pendidikan anak. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa hasil kajian ini juga konsisten dengan Kajian Kim & Feldman (2000) yang mendapati pesara yang mempunyai anak dan masih mempunyai anak dan masih mempunyai tanggungjawab dalam membesarkan anak lebih cenderung untuk menyambung kerja selepas bersara. Tambahan lagi, hasil kajian turut mendapati berniaga di Pasar Besar Sena dapat meningkatkan pendapatan kebanyakan pesara sekaligus dapat membantu mereka untuk membuat simpanan. Maka, kajian ini juga konsisten dengan kajian kajian Iyortsoon & Akpusugh (2013) yang menyatakan bahawa pengurusan yang efektif terhadap kehidupan pesaraan memerlukan perhatian yang benar-benar serius kerana perancangan yang teliti bakal meningkatkan taraf hidup pesara. Bekerja selepas bersara membolehkan pesara menambahkan pendapatan dan membebaskan diri daripada situasi kewangan yang membebaskan.

Sehubungan itu, terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dijelaskan daripada dapatan kajian ini. Lebih ramai pesara lelaki menyambung kerja selepas persaraan kerana golongan ini kemungkinan gagal mendapat bantuan kewangan daripada anak. Selain itu, persepsi anak bahawa bapa memiliki pendapatan daripada pencen atau KWSP selain hasil harta yang dimiliki menyebabkan golongan ini dilihat mampu berdikari (Suridah Ali, 2016) mungkin mempengaruhi situasi ini. Selain itu, secara umumnya golongan pesara yang terlibat dalam aktiviti berniaga ini masih bermotivasi untuk bekerja bagi memenuhi kos hidup yang tinggi. Golongan ini berasa bahawa mereka masih boleh menyumbang kepada keluarga selagi tiada masalah kesihatan yg kronik. Malah, lebih 50.0% daripada mereka telah bersara sebelum berusia 60 tahun dan kemungkinan mempunyai dorongan, minat dan kecenderungan yang tinggi untuk berniaga bagi memperkukuh kedudukan kewangan selepas bersara. Tambahan lagi, pencen dan wang KWSP yang diterima tidak mencukupi untuk keperluan hidup selepas bersara akibat komitmen kewangan yang sedia ada. Masalah hutang selain kedapatan anak yang masih di peringkat sekolah atau pengajian tinggi dan memerlukan bantuan kewangan amat mempengaruhi dorongan untuk bekerja selepas bersara. Malah, penggunaan wang simpanan untuk tujuan membayar hutang dan pendidikan anak menyebabkan ketiadaan simpanan untuk jaminan masa akan datang terutamanya apabila golongan ini terpaksa berhadapan dengan masalah kesihatan. Kebimbangan terhadap keperluan kewangan pada waktu kecemasan untuk keperluan diri dan ahli keluarga turut mendorong golongan ini untuk berniaga bagi mengurangkan beban yang bakal ditanggung oleh mereka ketika kecemasan. Di samping itu, keinginan untuk berdikari dan keinginan untuk mengurangkan rasa kebosanan atau bersendirian selepas bersara terutamanya bagi pesara yang mempunyai pasangan hidup yang masih bekerja turut mendorong keinginan untuk bekerja selepas bersara.

Oleh itu, hasil kajian ini mencadangkan beberapa keperluan untuk menjamin kesejahteraan hidup pesara. Dalam aspek ini, bakal pesara perlu merancang dan menyediakan tabungan persaraan yang secukupnya sebelum mereka bersara daripada kerja masing-masing. Perancangan perlu dilakukan seawal memasuki pekerjaan agar ia dapat bertindak sebagai tabung persaraan kedua selain wang pencen atau wang KWSP. Lebih awal satu-satu perancangan atau persediaan dilakukan maka lebih besar kapasiti simpanan yang dapat diperolehi apabila bersara nanti. Selain itu, bakal pesara juga perlu bersedia dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran perniagaan jika ingin menceburi bidang perniagaan selepas bersara. Pengetahuan tentang keperluan kewangan, pusingan modal perniagaan selain pengurusan perniagaan perlu dikuasai sebelum menceburi perniagaan. Kekurangan ilmu dan kemahiran perniagaan yang berkesan akan meningkatkan risiko kegagalan dan muflis dalam perniagaan mereka. Tambahan lagi, bakal pesara perlu bersedia dari

segi fizikal dan mental sebelum memulakan perniagaan. Persediaan fizikal dan mental amat penting untuk membolehkan mereka menangani pelbagai masalah, cabaran dan stress yang bakal dilalui terutamanya dalam memulakan perniagaan selain dalam menjayakan perniagaan.

Dari satu perspektif lain, pihak majikan tidak kira di sektor awam mahupun di sektor swasta perlu membekalkan Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi kepada pekerja. Kursus ini dapat memberi kesedaran kepentingan pengurusan pendapatan bagi tujuan perbelanjaan dan tabungan bagi menjamin kesejahteraan hidup yang berterusan. Selain itu, Kursus Persediaan Persaraan perlu diberikan kepada pesara yang bakal bersara bagi membolehkan mereka membuat persediaan yang secukupnya berkaitan kewangan, fizikal dan mental sebelum bersara. Cadangan-cadangan ini jika diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan maka, implikasi positif yang besar dapat dirasakan oleh pesara dan juga bakal pesara dalam konteks kesejahteraan hidup selepas bersara nanti.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Kajian ini hanya memfokuskan pada pesara yang terlibat dalam perniagaan di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis. Pesara yang terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan lain dan juga pekerjaan lain tidak diambil kira dalam kajian ini. Kajian ini juga hanya mengambil tempat di Kangar, Perlis maka kajian berkaitan pesara yang melibatkan diri dalam pelbagai bidang perniagaan dan di pelbagai negeri dapat memberi dapatan yang lebih menarik. Selain itu, kajian ini hanya memberi perhatian kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada pesara berniaga selain mengenal pasti sejauhmana perniagaan yang dijalankan ini dapat membantu meningkatkan pendapatan pesara bagi menjamin kehidupan selepas persaraan. Kajian ini tidak memberi tumpuan ke atas masalah yang dihadapi oleh pesara dalam perniagaan dan cabaran yang dihadapi oleh mereka untuk menangannya. Tambahan lagi, kajian ini juga dilakukan dengan menggunakan saiz sampel yang kecil dan sampel juga tidak melambangkan kombinasi etnik yang sekata bagi melihat permasalahan pesara merentasi etnik. Oleh itu, kajian pada masa akan datang perlu mengambil kira limitasi kajian yang dinyatakan di atas.

## **KESIMPULAN**

Kualiti hidup yang baik selepas persaraan merupakan aspirasi setiap pesara. Namun demikian, kemampuan ekonomi merupakan satu elemen yang penting dalam menjamin kualiti hidup yang diaspirasikan (Suridah Ali, 2016). Kajian ini membuktikan bahawa ramai pesara tidak mempunyai jaminan kualiti hidup selepas bersara akibat kos sara hidup yang tinggi ditambah pula dengan pelbagai komitmen lain. Hal ini turut menyebabkan wang pencen atau KWSP yang menjadi sumber bantuan selepas bersara tidak mencukupi untuk menampung kehidupan mereka. Kekangan kewangan ini telah mendorong ramai pesara untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Penglibatan pesara dalam aktiviti berniaga dipercayai dapat meningkatkan pendapatan. Hasil lebihan keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan turut membolehkan pesara untuk menabung. Dalam aspek ini dapat dikatakan bahawa bukan semua pesara mampu mencapai kejayaan melalui perniagaan yang dilakukan. Terdapat segelintir daripada pesara yang berniaga menghadapi cabaran dalam persaingan perniagaan sekaligus melihat perniagaan yang dilakukan sebagai kurang membantu kehidupan mereka. Justeru, kesedaran bakal pesara untuk merancang simpanan peribadi demi jangka masa panjang agar tabungan tersebut boleh digunakan apabila bersara nanti tanpa bergantung sepenuhnya kepada wang pencen atau wang KWSP. Penguasaan ilmu dan kemahiran perniagaan yang secukupnya selain persediaan fizikal dan mental amat perlu bagi pesara yang ingin menceburi bidang perniagaan selepas bersara. Bakal pesara juga perlu

dibekalkan dengan kursus dan latihan oleh majikan bagi meningkatkan kesedaran tentang persediaan persaraan dan pengurusan pendapatan selepas persaraan bagi membolehkan mereka merancang kehidupan yang selesa selepas bersara. Perancangan awal dapat memberi nilai tambah kepada bakal pesara dalam menjamin kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera selepas persaraan.

## **RUJUKAN**

- Beehr, T. A. & Bennett, M. M. (2015). Working after retirement: Features of bridge employment and research directions. *Work, Aging and Retirement*, 1(1), 112-128.
- Cahill, K. E. Giandre, M. D. & Quinn, J. F. (2006). Retirement patterns from career Employment, *The Gerontologist*, 46(4), 514-523.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Damman, M., Henkens, K. & Kalmijn, M. (2011). The impact of midlife educational, work, health and family experiences on men's early retirement. *The Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 66B(5), 617-627.
- Damman, M., Henkens, K. & Kalmijn, M. (2015). Missing work after retirement: The role of life histories in the retirement adjustment process. *The Gerontologist*, 55(5), 802-813.
- Dingemans, E., Henkens, K. & Van Solinge, H. (2016). Access to bridge employment: Who finds and who does not find work after retirement? *The Gerontologist*, 56(4), 630-640.
- Erdogan, B., Bauer, T. N., Peiro, J. M. & Truxillo, D. M. (2011). Overqualified employees: Making the best of a potentially bad situation for individuals and organizations. *Industrial and Organizational Psychology: Perspectives on Science and Perspective*, 4(2), 215-232.
- Fasbender, U., Deller, J., Wang, M. & Wiernik, B. M. (2014). *Journal of Vocational Behavior*, 84(2014), 215-224.
- Gonzales, E., Lee, Y. & Brown, C., (2017). Back to work? Not everyone. Examining the longitudinal relationships between informal caregiving and paidwork after formal retirement. *Journals of Gerontology: Social Sciences*, 72(3), 532-539.
- Griffin, B. & Hesketh, B. (2008). Post-retirement work: The individual determinants of paid and volunteer work. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 81(1), 101-121.
- Hardy, M. A. (1991). Employment after Retirement: Who gets back in? *Research on Aging*, 13(3), 267-288.
- Iyortsuun, A. S. & Akpusugh, K. T. (2013). Effective management of life after retirement and its impact on retirees from the public service: A Case study of Benue State, Nigeria. *Global Journal of Management and Business Research Interdisciplinary*, 13(5), 1-8.
- Kim, S. & Feldman, D. C. (1998). Healthy, wealthy, or wise: Predicting actual acceptances of early retirement incentives at three points in time. *Personnel Psychology*, 51(3), 623-642.
- Kim, S. & Feldman, D. C. (2000). Working in retirement: The antecedents of bridge employment and its consequences for quality of life in retirement. *Academy of Management Journal*, 43(6), 1195-1210.
- Lancee, B. & Radl, J. (2012). Social connectedness and the transition from work to retirement. *The Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 67(4), 481-490.

- Maestas, N. (2004). Back to work: Expectations and Realizations of work after retirement. Working Paper: Michigan Retirement Research Center.
- Maestes, N. (2010). Back to work: Expectations and Realizations of work after retirement. *The Journal of Human Resources*, 45(3), 718-748.
- Moen, P. & Flood, S. (2013). Limited engagements? Women's and men's work/volunteer time in the encore life course stage. *Social Problems*, 60(2), 206-233.
- Nilsson, K. (2012). Why work beyond 65? Discourse on the decision to continue working or retire early? *Nordic Journal of Working Life Studies*, 2(3), 7-28.
- Quinn, J. F. (2010). Work, retirement and the encore career: Elders and the future of the American workforce. *Generations: The Journal of the American Society on Aging*, 34(3), 45-55.
- Siti Zaharah Jamaluddin & Foo Yuen Wah (2013). Bersara tetapi bekerja: Senario pesara Malaysia pada masa hadapan. *Kanun*, 25(2), 238-254.
- Smaliukiene, R. & Tvaronaviciene (2014). Bridge employment: an opportunity for aging society. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 156(2014), 388-391.
- Suridah Ali (2016). Kualiti pesara lelaki dan wanita di Malaysia: Kajian kes di Besut, Terengganu. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 11-21.
- Wang, M. (2007). Profiling retirees in the retirement transition and adjustment process: Examining the longitudinal change patterns of retirees' psychological well-being. *Journal of Applied Psychology*, 92(2), 455-474.
- Warren, C. A. B. (2002). *Qualitative Interviewing*, dlm. Gubrium, J. F and Holstein, J.A., *Handbook of Interview Research: Context and Method*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Zissimopoulos, J. M. & Karoly, L. A. (2007). Transitions to self-employment at older ages: The role of wealth, health, health insurance and other factors. *Labour Economics*, 14(2), 269-295.
- Zissimopoulos, J. M. & Karoly, L. A. (2009). Labor-force dynamics at older ages: Movements into self-employment for workers and non-workers. *Research on Aging*, 31(1), 89-111.

**Muhamad Khairul Ismail**

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
krullismail@yahoo.com

**Suresh Kumar N Vellymalay (PhD)**

Pensyarah Kanan  
Bahagian Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
suresh@usm.my